

31/07/1997

Barisan utama projek kemajuan

Veena Rusli

PASIR PUTEH, Rabu - Kejayaan Barisan Nasional (BN) memerintah negara selama ini adalah kerana kekuatan dan kewibawaannya sebagai sebuah kerajaan yang mengutamakan pelaksanaan projek pembangunan demi kepentingan rakyat.

Calon BN bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak, Kamaruddin Mohd Nor, berkata keadaan itu berbeza dengan Pas yang sekadar mencanang pelbagai perkara tetapi gagal melaksanakannya.

"BN ialah sebuah kerajaan yang bekerja manakala Pas lebih banyak bercakap dan itulah perbezaan utama di antara BN dan Pas.

"BN mengutamakan perancangan projek yang dilaksanakan di samping menambah pelbagai kemudahan kerana ia adalah hak rakyat yang perlu ditunaikan," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Klinik Desa Tok Bali di Semerak, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman dan Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Yao Sik Chi.

Kamaruddin yang juga Pengarah Operasi BN bagi pilihan raya kecil itu berkata, BN mengutamakan perancangan teliti bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan membawa manfaat kepada rakyat.

Beliau berkata, keprihatinan BN dalam menyediakan kemudahan pembangunan kepada rakyat adalah berdasarkan tanggungjawabnya sebagai kerajaan dan tidak membabitkan soal pembelian undi untuk memenangi hati rakyat.

"Kita tidak membeli rakyat dengan projek, sebaliknya BN hanya menjalankan tanggungjawab dalam memberi perkhidmatan terbaik.

"Ini berlainan dengan Pas yang heboh memperkatakan soal hudud tetapi belum melaksanakannya hingga sekarang, malah cadangan pun belum dihantar kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad).

"Mereka (Pas) mendakwa Dr Mahathir tidak setuju sedangkan keputusan mengenai pelaksanaan hudud bergantung kepada Parlimen dan ini menunjukkan betapa Pas tidak konsisten dalam segala hal," katanya.

Pilihan raya kecil DUN Semerak akan diadakan pada 11 Ogos ini berikutan kematian wakil rakyatnya, Sulaiman Ahmad, 62, akibat serangan angin ahmar, 6 Julai lalu. Penamaan calon akan dilakukan esok.

Ditanya sikap Pas yang mendakwa lebih mengutamakan pembangunan kerohanian, Kamarudin berkata alasan itu adalah jawapan terbaik bagi menutup kegagalan parti itu membawa pembangunan fizikal.

Beliau berkata, Pas sekadar mendakwa mereka menolak pembangunan tetapi pada masa sama menggunakan kemudahan yang disediakan BN.

Kamaruddin berkata, sikap tidak konsisten Pas ketara apabila dikatakan sibuk memperbaiki kemudahan jalan di Semerak bagi memenuhi keperluan rakyat.

"Mereka tidak mempunyai pilihan kerana rakyat mahukan pembangunan, jadi dia (Pas) ambil peruntukan dari bahagian lain untuk menyediakan kemudahan di Semerak.

"Sebenarnya, inilah yang dikatakan membeli undi dan ia bukan cara BN bekerja," katanya.

(END)